

Kerjasama UMS-Kindai University paling lama dan berjaya

Oleh Yap Siong Han
UB 28.12.2022 P.02

KOTA KINABALU: Hubungan kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kindai University merupakan salah satu kerjasama paling lama dan berjaya yang terdapat di UMS serta institusi luar negara.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Kasim Mansor berkata, seramai 231 pelajar UMS telah dihantar menjalani latihan industri di serata Jepun melalui Institut Penyelidikan Akuakultur, Kindai University sejak tahun 2001.

“Seramai 10 graduan UMS telah mendapat tajaan pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) yang dibiayai oleh universiti tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian

sempena kunjungan hormat kepada Presiden Kindai University, Prof. Yoshihiko Hosoi di kampus Kindai University yang terletak di Osaka Jepun baru-baru ini.

Delegasi UMS yang diketuai Kasim telah disambut oleh Yoshihiko dan barisan pengurusan tertinggi Kindai University bagi perbincangan usahasama, kerjasama akademik dan penyelidikan di antara UMS serta Kindai University.

“Antara perkara yang dibincangkan termasuklah komitmen UMS untuk terus memperkuuhkan jalinan kerjasama antara kedua-dua universiti yang telah bermula sejak tahun 2000.

“Melalui kunjungan ini, kita turut mempelawa Kindai University untuk menghantar

pelajarnya bagi menyambung program pengajian pasca-siswazah di UMS melalui geran penyelidikan yang akan ditawarkan.

“Selain itu, UMS dan Kindai University juga berhasrat untuk terus menganjurkan persidangan antarabangsa bersama, ini mampu meletakkan nama UMS di persada global,” katanya kepada media.

Selain kunjungan hormat dan mesyuarat bersama Presiden Kindai University, delegasi UMS turut dibawa melawat kemudahan yang terdapat di Kindai University termasuklah pusat sukan yang berprestij tinggi terutamanya bagi program Judo dan Sumo.

Delegasi UMS turut dipelawa untuk makan tengah hari

bersama pengurusan Kindai University bagi menikmati hasil produk makanan ikan yang dikeluarkan dari universiti tersebut.

Lawatan tersebut diakhiri dengan melawat perpustakaan Kindai University yang berkonsep moden dan serba lengkap.

Kunjungan itu turut disertai Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; Bendahari UMS, Badrul Hisham Ismail, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Mohammad Saffree Jeffree; Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Prof. Madya Sitti Reahanah Muhamad Shaleh; Timbalan Pengarah IPMB, Prof. Madya Ching Fui Fui, dan Mohd Khairuddin Ahmad selaku urus setia lawatan.



KENANGAN: Delegasi UMS bergambar kenangan bersama barisan atlet Sumo.